



Headline: Wanita alami kerugian RM408,928 akibat diperdaya Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Berita Harian
Date: 12 November 2022

Section: Nasional
Page: 19

Wanita alami kerugian RM408,928 akibat diperdaya Macau Scam

Kuching: Seorang wanita berusia 45 tahun kerugian RM408,928 selepas menjadi mangsa penipuan Macau Scam.

Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Mohamad Azman Ahmad Sapri, berkata pada mulanya wanita terbabit dihubungi suspek yang menyamar dari pihak Pejabat Pos Laju di Kuala Lumpur memaklumkan mangsa menerima bungkusan, pada pada 15 Ogos lalu.

Katanya, suspek mendakwa bungkusan terbabit mengandungi kad pengenalan dan lima kad pengeluaran wang automatik (ATM) dan memaklumkan barangan itu tidak boleh di pos sebelum menyarankan mangsa membuat laporan polis.

"Panggilan itu kemudian disambung ke talian di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak dan dijawab suspek lain yang menyamar sebagai Sarjan Mohd Khairul Hasyim," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mangsa panik

Katanya, mangsa dikatakan terbabit dengan kes pengubahan wang haram dan waran tangkapan akan dikeluarkan terhadap mangsa.

Beliau berkata, beberapa hari kemudian, mangsa dihubungi seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Asisten Superintendan Mokhtar bagi proses siasatan awal.

"Mangsa seterusnya diminta untuk memindahkan wang

yang ada di dalam simpanan kepada juruaudit yang dilantik pihak mahkamah bagi memastikan tiada pembabitang wang haram di dalam akaun bank mangsa," katanya.

Beliau berkata, mangsa yang panik bertindak memindahkan wang simpanan sebanyak RM57,940 ke empat akaun bank suspek pada 23 hingga 30 Ogos lalu.

"Pada 30 Ogos, mangsa sekali lagi dihubungi suspek yang menyamar sebagai

pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Cyberjaya menyatakan mangsa mempunyai cukai syarikat tertunggak sebanyak RM36,800 selama 15 bulan.

"Mangsa kemudian diarahkan membuat pinjaman di beberapa bank bagi membuktikan adakah pengaliran wang itu terbabit dalam

pengubahan wang haram," katanya.

Katanya, mangsa yang terpedaya, membuat pinjaman sebanyak RM200,000, RM230,000, RM60,000, RM76,000 dan RM95,000 di beberapa bank.

"Selepas semua pinjaman diluluskan, suspek mengarahkan mangsa bahawa wang itu perlu dipindahkan kepada beberapa juruaudit yang dilantik kononnya bagi semakan," katanya.

Katanya, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Sarawak menerima laporan kes itu, kelmarin dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.



Mohamad Azman
Ahmad Sapri